



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

Ruj. Kami : MPIC.100-9/1/1 JLD.3 ()

Tarikh : 19 Ogos 2026

JEMPUTAN MEDIA

MAJLIS MAKAN MALAM “MRC INDUSTRY LEADERSHIP & NETWORKING”

Semua Ketua Pengarang,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Getah Malaysia (MRC) akan menganjurkan *MRC Industry Leadership & Networking Dinner*, iaitu sebuah platform jalinan strategik yang akan dihadiri YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Perlindungan dan Komoditi pada ketetapan berikut:

Tarikh	:	20 Ogos 2026 (Khamis)
Masa	:	7.00 malam – 10.00 malam
Tempat	:	Grand Ballroom, Aras 2, The Westin Kuala Lumpur
Aturcara	:	Seperti di Lampiran

3. Untuk makluman, program ini menghimpunkan Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Agensi bersama pemimpin industri produk getah Malaysia bagi memperkukuh kerjasama, bertukar pandangan serta membincangkan keutamaan strategik, cabaran dan peluang dalam meningkatkan daya saing industri produk getah negara.

4. Majlis pada malam tersebut akan turut menampilkan beberapa pengisian khas MRC, iaitu:

- i. **Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU dan MOA) yang mencerminkan komitmen MRC dalam memperkukuh kerjasama strategik, pengkomersialan dan inovasi teknologi produk getah bagi menyokong pembangunan industri produk getah negara; dan**
- ii. **Penyampaian Anugerah Biasiswa MRC kepada penerima terpilih sebagai pengiktirafan terhadap pembangunan bakat masa hadapan industri.**

5. Penganjuran majlis ini akan menjadi platform penting untuk memperkukuh jalinan antara kepimpinan, industri dan bakat masa hadapan, selaras dengan peranan MRC dalam menyokong pembangunan, promosi dan pertumbuhan mampan industri produk getah Malaysia.

6. Kami amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat hadir dan membuat liputan sepanjang majlis berlangsung, termasuk mengambil gambar serta rakaman video untuk tujuan siaran di platform media masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Awam KPK, Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Latif di talian 012-290 8945.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perlindungan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my



MAJLIS MAKAN MALAM "MRC INDUSTRY LEADERSHIP & NETWORKING"

Bersama
YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad
Menteri Perlindungan dan Komoditi

KHAMIS | 20 OGOS 2026 | 7:00 PM - 10:00 PM

**GRAND BALLROOM, ARAS 2
THE WESTIN KUALA LUMPUR**
(Kod Pakaian: Formal / Batik)

ATURCARA

Masa	Program
7:00 PM	Ketibaan dan Pendaftaran Tetamu
7:45 PM	Tetamu Mengambil Tempat
8:00 PM	Ketibaan YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Perlindungan dan Komoditi
	Bacaan Doa
8:05 PM	Makan Malam dan Sesi "Networking"
8:40 PM	Ucapan Aluan oleh Pengerusi Majlis Getah Malaysia (MRC)
8:50 PM	Ucapan oleh YB Menteri Perlindungan dan Komoditi
9:00 PM	Majlis Pertukaran Memorandum
9:10 PM	Majlis Penyampaian Biasiswa MRC
9:20 PM	Penyampaian Cenderamata kepada YB Menteri Perlindungan dan Komoditi
9:25 PM	Sesi Bergambar
9:30 PM	Sambungan Sesi "Networking"
10:00 PM	Bersurai

Untuk RSVP atau sebarang pertanyaan,
sila hubungi Urus Setia MRC

RSVP

sebelum

5 OGOS 2026